

21 JUN 2000

MDC-Perjanjian

MDC JALIN HUBUNGAN DENGAN MESIR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KAHERAH, 21 Jun (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan Kementerian Komunikasi dan Teknologi Maklumat (IT) Mesir telah bersetuju untuk bekerjasama dalam pelbagai bidang berkaitan IT.

Kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam pembangunan undang-undang cyber dan e-dagang serta mempermudah pertumbuhan syarikat IT bertaraf kecil hingga sederhana.

Dalam perjanjian yang ditandatangani di sini semalam, kedua-dua pihak akan menjalankan usaha bagi memperbaiki peluang pasaran ke Asia, Afrika dan Asia Barat melalui kedua-dua negara.

Pengerusi Eksekutif MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah menandatangani perjanjian itu bagi pihak perbadanan itu sementara kementerian berkenaan diwakili oleh menterinya Dr Ahmed Muhammed Nazif.

Ia disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Mesir Dr Atef Ebeid.

Kedua-dua pihak juga akan membangunkan sekolah-sekolah bestari Mesir yang akan dihubungkan dengan Global Schools Network, menurut MDC dalam satu kenyataan.

MDC diberi mandat oleh kerajaan Malaysia untuk mempermudah pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Satu lagi perjanjian untuk mengenal pasti pelang-peluang pelaburan bersama dalam IT dan multimedia juga ditandatangani antara Entertainment Village Sdn Bhd (EVSB) dan Egypt Media Production City Company (EMPC).

Perjanjian itu ditandatangani oleh Tan Sri Dr Awang Had Salleh bagi pihak EVSB dan Abdul Rahman Al-Hafez bagi pihak EPMC.

Dr Othman berkata kedua-dua perjanjian itu akan membuka jalan bagi peningkatan kerjasama antara Malaysia dan Mesir dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

"Ini menandakan permulnaan era baru dalam hubungan yang telah lama terjalin antara kedua-dua negara dengan merebut peluang kepada pembangunan MSC dan industri-industri ICT Mesir," kata beliau.

Dr Othman berkata perjanjian itu juga penting bagi memastikan negara-negara membangun seperti Malaysia dan Mesir mengambil peluang daripada kepakaran antara satu sama lain dalam K-Ekonomi.

MDC menjalin kerjasama yang serupa dengan pihak lain di negara seperti Indonesia, Emiriyah Arab Bersatu dan Amerika Syarikat.

-- BERNAMA

AZZ FAZ